

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	27/4/2017	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

MPAJ diminta bertindak atasi banjir kilat



POK BOON (kanan) dan Kok Wee, (dua dari kanan) menunjukkan gambar banjar kilat di kawasan perindustrian Hata Pandan Mewah ketika ditemui di Ampang Jaya semalam.

AMPANG JAYA— Beberapa pengusaha kilang di sekitar Hata Square, Pandan Mewah di sini sudah bosan untuk berdepan dengan banjir kilat setiap kali hujan lebat walaupun telah banyak kali membuat aduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Rata-rata mereka mendakwa, situasi itu akan mengakibatkan operasi 60 daripada 200 kilang yang terletak di kawasan itu terjejas.

Timbalan Ketua Biro Aduan Parti Gerakan Rakyat Malaysia, Ben Liew Pok Boon berkata, ketika hujan lebat, air melimpah keluar dari longkang dan memasuki premis hingga menyebabkan kenderaan dan jentera tidak boleh keluar masuk.

“Kilang itu terjejas kerana terletak di kawasan landai berbanding kilang-

kilang lain,” dakwanya ketika membuat tinjauan di kawasan itu semalam.

Hadir sama, Pengerusi Barisan Nasional Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee dan Pengerusi Persatuan Pengusaha Industri Hata Pandan Mewah, John Ee.

Sementara itu, Ee, 55, mendakwa, masalah banjir kilat itu pernah diadukan kepada pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Seorang ahli perniagaan, Datuk S.C Heng berkata, syarikatnya kerugian sehingga RM6,000 setiap kali berlaku banjir.

Sementara itu, jurucakap MPAJ berkata, kerja-kerja pembersihan sering dijalankan di situ namun longkang masih tersumbat akibat sisa buangan oleh sebuah kilang kitar semula di kawasan itu.